

Kosmo 26/4/09 mlc 15

## Lima penyelidik UMT menang anugerah antarabangsa

MENANG. Lima penyelidik Universiti Malaysia Terengganu (UMT) berjaya meraih dua pingat emas, satu pingat perak dan empat gangsa di Pameran Produk dan Teknik Inovasi Baru Antarabangsa kali ke-37 yang berlangsung di Geneva, Switzerland baru-baru ini.

Mereka ialah Prof. Madya Dr. Sayed Mohd. Zain S. Hasan, Dr. Zaleha Kassim, Mustafa Man, Aziz

Yusof dan Mohd. Hasmizam Razali.

Naib Canselor UMT, Prof Dr. Aziz Deraman yang bangga dengan pencapaian itu memuji kegigihan serta kesungguhan kesemua penyelidik terbabit.

Beliau yang ditemui di Kuala Terengganu kelmarin berkata, kemenangan itu menunjukkan hasil penyelidikan universiti berkenaan mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa.

### Komuniti Kita

Gambar dan berita yang disiarkan dalam *Komuniti Kita!* kini boleh diakses di laman web [www.kosmo.com.my](http://www.kosmo.com.my).

**AZIZ (tiga dari kiri) bersama lima penyelidik yang memenangi anugerah di UMT Kuala Terengganu kelmarin.**

